

Politik Bandar: Persepsi dan Tingkah Laku Politik Pengundi di Kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan dan Batu

Urban Politics: Voter Perceptions and Political Behaviour in Parliamentary Constituency of Petaling Jaya Selatan and Batu

MOHD FUAD MAT JALI, JUNAIDI AWANG BESAR, ROSMADI FAUZI,
AMER SAIFUDE GHAZALI, NOVEL LYNDON & MAZLAN ALI

ABSTRAK

Politik bandar berkait rapat dengan persepsi dan tingkah laku pengundi di bandar yang berlandaskan isu-isu politik setempat dan nasional, terutamanya penyediaan perkhidmatan dan kemudahan awam bandar. Dinamika politik bandar amat menarik kerana kedudukannya di pusat bandar yang mengalami proses urbanisasi dan sosialisasi serta tempat tumpuan segala aktiviti manusia. Proses-proses ini akhirnya menimbulkan tekanan kepada penghuni bandar dan seterusnya mempengaruhi persepsi dan tingkah laku politik mereka. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis politik bandar di dua kawasan bandar di Lembah Klang iaitu Petaling Jaya Selatan (Selangor) dan Batu (Kuala Lumpur). Berdasarkan soal selidik dan pemerhatian di lapangan, kajian mendapati bahawa 71.0% responden di Batu dan 57.6% di Petaling Jaya Selatan (PJS) menyatakan gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh pengundi. Daripada aspek governans pula, 70.7% (Batu) dan 62.9% (PJS) responden menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan. Dasar/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam memantapkan pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat. Sementara itu tingkah laku politik yang digambarkan melalui status pendaftaran sebagai pemilih/pengundi menunjukkan sebanyak 86.0% di Batu dan 87.9% di PJS telah mendaftar sebagai pemilih, masing-masing 5.8% (Batu) dan 17.9% (PJS) menganggotai parti politik UMNO; 4.4% (Batu) dan 13.2% (PJS) menyertai PAS; 0.1% (Batu) dan 21.2% (PJS) menjadi ahli DAP; 6.2% (Batu) dan 20.7% (PJS) merupakan ahli PKR; dan 73.1% (Batu) dan 54.3% (PJS) tidak menyertai mana-mana parti politik. Pengundi di kawasan Parlimen Batu menjangkakan Barisan Nasional akan berjaya merampas kembali kerusi Parlimen Batu namun akan tewas di Petaling Jaya Selatan dengan margin yang tipis. Senario ini menunjukkan kekuatan parti politik di bandar adalah seimbang dan bergantung kepada isu dan pelunasan keperluan pengundi di kawasan berkenaan.

Kata kunci: Politik bandar; persepsi pengundi; tingkah laku politik ; urbanisasi; governans

ABSTRACT

Urban politic is closely related to perceptions and behaviour of voters in the city which is based on local and national political issues, especially in terms of urban public facilities and services. Urban politic is an interesting agenda because of it is dynamics and has position itself in the city centre where it experiencing the process of urbanization and socialization as well as the focal point of all human activities. These processes may eventually cause ‘stress’ to the city dwellers, and consequently influence the perceptions and political behaviour of the dwellers. This article is to analyze urban politic in two areas in the Klang Valley, namely Batu (Kuala Lumpur) and Petaling Jaya Selatan (Selangor). Based on questionnaires and field observations, 71.0% of respondents in Batu and 57.6% in Petaling Jaya Selatan (PJS) expressed the idea of “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan “ is supported, internalized and manifested by the voters. In terms of governance, 70.7% (Batu) and 62.9% (PJS) respondents indicated the Key Performance Indicator (KPI) for all elected representatives and the Minister are good and they give support for the government and policy changes made by the Prime Minister’s leadership in strengthening the development of the country continues to have support from the people. Meanwhile, the political behavior through voter registration showed that 86.0% and 87.9% in the Batu and PJS have registered as voters, in which respectively 5.8%, (Batu) and

17.9% (PJS) belong to UMNO; 4.4% (Batu) and 13.2% (PJS) joined PAS; 0.1% (Batu) and 21.2% (PJS) are member of DAP; 6.2% (Batu) and 20.7% (PJS) are member of PKR; and 73.1% (Batu) and 54.3% (PJS) did not join any political parties. Voters in Batu constituency would expect BN wrested back the seat of Batu but will be loosing in Petaling Jaya Selatan with a slim margin.

Keywords: Urban politics; voters perception; behavior; urbanization; governance

PENGENALAN

Bandar lazimnya mengalami pembangunan yang pesat dengan aktiviti sosioekonomi penghuni bandar yang berterusan. Dari sudut persekitaran kemanusiaan, politik bandar adalah berkaitan dengan tingkah laku ahli politik dan penghuni bandar, institusi politik di bandar dan dasar kerajaan tempatan. Ia juga berkaitan dengan bagaimana isu dalam bandar berlaku dan kaedah menanganinya. Terdapat banyak cabaran politik yang dihadapi oleh pihak berkuasa di bandar sama ada Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan yang berkaitan dengan dua ciri utama bandar iaitu tidak seperti Kerajaan Persekutuan dan Negeri, kerajaan perbandaran/tempatan kekurangan kuasa formal yang perlu untuk menyelesaikan isu-isu yang timbul dalam sempadan kawasan mereka dan; penduduk kawasan bandar metropolitan di sesebuah negara adalah sangat heterogen dalam konteks tingkah laku dan persepsi politik dari segi etnik, bangsa, dan kelas.

Daripada segi sejarah, fakta ini telah mempengaruhi hampir setiap aspek politik bandar dan terus memainkan peranan penting dalam arus politik perdana hari ini. Politik bandar juga berkaitan dengan tentang warisan Kerajaan Tempatan di sesebuah negara, pembangunan dan tanggungjawab Kerajaan Tempatan, dan peranan kerajaan persekutuan dan negeri dalam hal ehwal perbandaran, cabaran dasar yang mencerminkan pengaruh penting pembangunan ekonomi; dan demografi/kependudukan dalam politik bandar. Politik bandar juga merangkumi kajian pertumbuhan dan pembangunan, jentera/mekanisme politik, ketidaksamaan dan pengasingan, regionalisme, sub-urbanisasi, perumahan, sekolah sebagai institusi bandar, dan politik baru dalam *exclusionisme* dan isu-isu keselamatan. Dalam konteks kajian ini, politik bandar ketika Pilihan Raya Umum (PRU) mengalami dinamisme pola pengundian yang menarik di mana hampir keseluruhan bandar-bandar utama di Malaysia mengalami '*urban swing vote*' daripada parti BN kepada pakatan pembangkang (kini Pakatan Rakyat). Justeru, perubahan tingkah laku politik tersebut dikaitkan dengan faktor kepimpinan negara, peranan media alternatif/internet, politik sivil dan juga isu ekonomi yang membelenggu pengundi bandar khususnya dan pengundi keseluruhan amnya. Justeru, adalah menjadi tujuan artikel ini untuk menganalisis pola politik bandar dari sudut persepsi dan tingkah laku politik pengundi bandar di dua kawasan Parlimen (bandar) terpilih di Lembah Klang iaitu Batu (Kuala Lumpur) dan Petaling Jaya Selatan (Selangor).

METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Beberapa kaedah digunakan untuk mencapai tujuan kajian. Data primer diperoleh melalui kaedah soal selidik di kawasan kajian (Batu - 913 responden dan Petaling Jaya Selatan - 1206 responden) melalui satu set soal selidik mengikut kawasan daerah mengundi berpandukan kepada pelan kawasan-kawasan pilihan raya (DUN), Parlimen dan daerah-daerah mengundi dalam bahagian pilihan raya Parlimen P115 Batu dan P105 Petaling Jaya Selatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Kuala Lumpur dengan kelulusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Temu bual juga diadakan dengan pimpinan tempatan di samping pengumpulan data sekunder daripada penyelidikan di perpustakaan (buku, laporan/terbitan berkata dan jurnal), bahan bercetak, akhbar, risalah, brosur dan maklumat atas talian iaitu laman web dan blog. Data yang dikumpul diproses menggunakan perisian statistik SPSS serta dianalisis melalui kaedah statistik deskriptif.

Parlimen Batu terletak di bahagian utara Kuala Lumpur, manakala Parlimen Petaling Jaya Selatan terletak di tengah negeri Selangor serta bersempadankan dengan Kuala Lumpur di sebelah timur iaitu Lembah Pantai. Kedua-dua kawasan ini merupakan kawasan perbandaran yang termaju di Malaysia. Pembangunan dan proses perbandaran di kedua-dua kawasan ini menghasilkan perubahan guna tanah yang pesat, seiring dengan pemodenan dan pertambahan penduduk seterusnya meningkatkan kemajuan sosioekonomi penduduk setempat.

Kawasan Parlimen Batu berkeluasan 23.25km persegi dengan jumlah pengundi berdaftar seramai 70,544 orang dengan taburan komposisi etniknya ialah 44.3% Melayu, 40.8% Cina, 14.3% India dan lain-lain 0.6%. Kawasan ini mempunyai 18 kawasan daerah mengundi iaitu Kampung Selayang Lama, Taman Wahyu, Pekan Batu, Taman Batu Muda, Changkat, Batu Muda, Kampong Padang Balang, Jinjang Tempatan Kedua belas, Batu Kantomen, Sentul Workshop, Sentul Pasar, Sentul Tengah, Sentul Utara, Kampong Kovil Utara, Bandar Baru Sentul, Sentul Selatan, Kampong Kovil Selatan dan Kolam Ayer. Parlimen Batu meliputi sebahagian besar kawasan bandar raya Kuala Lumpur (Sentul dan Kolam Ayer); kawasan pinggir bandar (Kampong Kovil); kawasan taman perumahan (Taman Batu Muda dan Taman Wahyu) dan kawasan perkampungan tradisi Melayu (Kampong Padang Balang). Pada pilihan raya umum 2008, kawasan ini dimenangi oleh calon Chua Tian Chang (Tian Chua)

dari PKR dengan memperoleh 29,785 undi, mengalahkan calon BN Lim Si Pin dengan majoriti 9,455 undi (pada pilihan raya umum 2004, BN menang dengan majoriti 11,517 undi).

Kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan (P105) pula berkeluasan 18.84km persegi dan mempunyai seramai 73,192 pemilih berdaftar. DUN Taman Medan (N.33) dan DUN Bukit Gasing (N.34) adalah dua DUN di dalam Parlimen Petaling Jaya Selatan. Taburan komposisi etniknya ialah 39.6% Melayu, 41.7% Cina, 16.3% India dan selebihnya kaum-kaum lain dan kebanyakannya bekerja sebagai kakitangan swasta dan berniaga. Parlimen Petaling Jaya Selatan mempunyai 34 kawasan daerah mengundi (19 daerah mengundi di DUN Taman Medan yang merangkumi Seksyen 14 Utara, Seksyen 14 Selatan, Baiduri, Seksyen 51, Seksyen 4 Petaling Jaya, Kawasan Melayu, Seksyen 2 Petaling Jaya, Taman Dato' Harun 1, Taman Dato' Harun 2, Kampung Medan, PJS 1, PJS 2, PJS 2C, PJS2C/12, PJS 2D, PJS 3, PJS 4, Medan Pejasa dan Petaling Utama; dan 15 daerah mengundi di DUN Bukit Gasing iaitu Seksyen 17 Utara, Seksyen 17 Barat, Seksyen 17 Tengah, Seksyen 17 Selatan, Seksyen 16, Jalan Bukit, Jalan Semangat, Taman Jaya, Kawasan Bandar Baharu, Jalan Sungai Jernih, Seksyen 5 Utara, Seksyen 5 Selatan, Seksyen 1 Petaling Jaya, Kawasan Assunta Convent dan Kawasan Bangunan KKPL) dengan 131 saluran mengundi. Pada pilihan raya umum 2008, PKR (Hee Loy Sian, 28,598 undi) memenangi kawasan ini dengan majoriti sebanyak 5706 undi mengalahkan calon BN (MCA) iaitu Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (22,892 undi) dan peratusan keluar mengundi ialah 71.8% manakala undi rosak ialah 1044 undi.

SOROTAN LITERATUR: POLITIK BANDAR

Politik bandar ialah senario politik yang berlaku di dalam dan di sekitar kawasan bandar. Istilah ini merujuk kepada kepelbagaian struktur politik yang ada di kawasan bandar di mana terdapat pelbagai bangsa dan status sosio-ekonomi di kawasan tersebut. Politik bandar ialah bidang kajian sains politik yang termasuk bidang kajian bandar, yang menggabungkan banyak aspek bandar, pinggir bandar, dan pemandaran. Ini termasuk perkara-perkara seperti:

1. Struktur kuasa politik
2. Bangsa, etnik, kelas, dan jantina hubungan di bandar-bandar dan pinggir bandar
3. Politik ruang dan hubungan ruwang

Proses pemandaran di seluruh dunia yang berterusan sesetengahnya digambarkan sebagai satu bentuk proses semula jadi, seperti yang ditentukan oleh keadaan dan struktur ekonomi atau sesuatu yang lain di luar kawalan manusia. Kajian politik bandar mendedahkan kebenaran yang berbeza sama sekali,

bahawa proses pemandaran mempunyai kaitan dengan pengaruh politik. Kajian politik bandar merujuk kepada apa yang berlaku di lapangan (bandar), di kalangan masyarakat yang berkongsi ruang bandar yang sama untuk menjalani proses kehidupan sehari-hari. Ini membuatkan kajian politik bandar amat mencabar dan sukar untuk dianalisis dengan tepat dan rasional (Jacobs 1961). Pendekatan Marxism dalam kajian politik bandar mengkonsepkan bandar sebagai entiti geografi yang dihasilkan dan diterbitkan semula melalui kapitalisme, bukan sebagai sesuatu yang neutral di mana terdapat juga kuasa autonomi politik tempatan. Marx juga menganggap persoalan-persoalan organisasi, motivasi dan kuasa elit bandar dan pengurus boleh dipersoalkan dan merupakan sebagai 'gangguan' untuk lebih maju. Beliau juga mengkonsepkan semula bandar sebagai tapak penindasan kapitalis, di mana agen kapital bertindak untuk menghasilkan keadaan yang baik untuk pengumpulan modal, tetapi juga sebagai tapak konflik, yang dihasilkan oleh kedua-dua dan membantu mengekalkan kapitalisme (Jones 2004). Sempadan dalaman boleh menjejaskan bandar metropolis. Ketika zaman Greece purba, sempadan yang dilukis adalah tidak ketara. Untuk berada di bandar, adalah lebih baik berada dalam sempadan dan ia adalah untuk menjadi rakyat/warganegara di sesuatu wilayah. Politik orang Yunani purba di bandar tidak melibatkan penyertaan golongan wanita, hamba, orang asing, dan lelaki di bawah umur lapan belas tahun dari kewarganegaraan (Toothman 2010).

Kuasa politik oleh seseorang warganegara telah bertambah, termasuk hak untuk mengambil bahagian dalam politik. Sebuah bandar memerlukan aktiviti perdagangan. Sebagai contohnya, kereta api diperlukan untuk pengangkutan barang-barang yang diniagakan. Trek diperlukan agar kereta api dapat bergerak mengikut haluan yang telah ditetapkan. Ia adalah ideal untuk mengurangkan bahagian-bahagian dalaman fizikal di bandar untuk mereka boleh membawa kepada bahagian sosial yang lebih bermasalah. Jika tanah berdekatan dengan trek keretapi tersebut maka nilai tanah tersebut akan jatuh dan rendah. Ini bermakna bahawa pemilik tanah terpaksa menjual tanah dengan harga yang murah. Rakyat yang berpendapatan rendah tertarik kepada kawasan trek ini boleh menggalakkan kumpulan-kumpulan lain untuk bergerak dari luar bandar ke kawasan pinggir bandar (Jacobs 1961). Bandar boleh menjadi metafora untuk sejarah dan masa depan, dan struktur tradisional yang mempunyai evolusi ruang dan pembangunan berterusan (Owens et al. 2010) Ini tugas yang mudah kepada penguasa di bandar untuk maju ke hadapan yang dinaungi oleh ahli-ahli politik dan penghuni bandar melalui dasar, perdagangan, pengeluaran, keselamatan, dan mekanisme-mekanisme lain yang berkaitan dengan politik bandar.

Walsh (1979) menjelaskan bidang kajian geografi politik terutamanya pilihan raya dan politik bandar penting kepada penyelidik dan juga ahli politik kerana

bidang-bidang tersebut akan menentukan kuasa dan strategi kedua-dua pihak tersebut untuk mendapat sokongan pengundi bandar seterusnya memudahkan program pembangunan di kawasan bandar. Johnson (1980) mendapati jika projek pembangunan bandar yang dilakukan sebelum pilihan raya telah menjejaskan kesejahteraan rakyat maka pengundi di bandar tersebut akan bertindak mengundi parti lawan seterusnya menyebabkan perubahan dasar kerajaan terhadap pembangunan bandar selepas pilihan raya tersebut. Bledsoe & Welch (1987) mendapati parti politik bandar yang aktif dapat mempengaruhi politik nasional kerana mereka mempunyai sumber kewangan yang kukuh di samping pemimpin yang berpendidikan serta berpandangan jauh seterusnya dapat mempengaruhi sokongan pengundi. Michel (1988) menjelaskan perancangan bandar yang teliti dan mengutamakan penghuni bandar akan mempengaruhi sokongan pengundi dalam setiap pilihan raya majlis perbandaran. Bazin (1993) mendapati penyelesaian masalah pengangguran dan penyediaan perumahan mampu milik di bandar dapat menentukan geopolitik sesuatu parti politik dan kerajaan di kawasan bandar. Harrison (1995) mendapati Parti Green atau parti yang memperjuangkan isu alam sekitar mendapat sokongan pengundi di bandar kerana mereka inginkan setiap projek pembangunan mesti mengambil kira impak alam sekitar agar mereka dapat hidup dengan sihat dan aman. Fleischmann & Stein (1998) menjelaskan faktor calon dan dana kewangan untuk tujuan kempen dapat mempengaruhi keputusan pilihan raya di kawasan bandar. Sauerzopf & Swanstrom (1999) mendapati kadar turun mengundi di bandar dalam pilihan raya Presiden semakin merosot setiap kali hari pembuangan undi kerana mereka kecewa dengan ahli politik yang tidak menyelesaikan masalah yang mereka adukan kepada ahli politik tersebut.

Zarycki (2000) menjelaskan pengundi bandar di Poland lebih bersifat liberal dalam menerima proses pembedaan namun pengundi di Republik Czech bersikap konservatif dan tidak dapat menerima pembaharuan dalam kawasan perbandaran mereka. Krebs (2001) mendapati dana kewangan, pengalaman dan strategi kempen adalah penting untuk menang dalam pilihan raya perbandaran, seterusnya mengetahui selok-belok politik bandar di kawasan yang ingin ditandingi calon berkenaan. Wood (2002) menjelaskan pilihan raya perbandaran untuk memilih ahli politik lebih tinggi kadar pembuangan undinya berbanding pemilihan ahli pentadbiran kerana mereka beranggapan ahli politik lebih berpengaruh dalam menentukan dasar pembangunan di kawasan mereka.

Tang (2003) mendapati gerakan sivil berperanan mempengaruhi politik bandar melalui gerakan alam sekitar dalam mendesak pihak berkuasa perbandaran untuk membatalkan sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan alam sekitar di Taiwan. Kelleher & Lowery (2004) mendapati peratusan keluar mengundi

di kawasan pihak berkuasa perbandaran adalah menggalakkan seterusnya membentuk politik bandar yang stabil dan aktif untuk memajukan bandar seterusnya menyelesaikan isu-isu perbandaran secara kolektif. Stucky (2005) mendapati campur tangan politik di bandar telah menyebabkan siasatan jenayah oleh pihak polis terganggu, ditambah pula dengan nisbah polis dengan penghuni bandar yang tidak sesuai. Justeru, jumlah anggota polis di bandar perlu ditambah dari semasa ke semasa. Peng (2005) menjelaskan dalam konteks politik bandar, manifesto dan kempen yang dilakukan oleh ahli politik wanita adalah penting dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya di bandar seterusnya mewujudkan gelombang politik baru di Jepun.

Sonenshein & Drayse (2006) dan Grant (2005) mendapati faktor etnik calon mempengaruhi keputusan pilihan raya di kawasan bandar. Parti yang mengemukakan calon yang etniknya sama dengan etnik yang dominan di sesuatu kawasan bandar akan menang dengan mudah dalam sesuatu pilihan raya. Sharp (2007) menjelaskan bidang politik bandar amat penting untuk dikaji kerana bidang tersebut lebih strategik dan lebih dekat dengan polisi kerajaan terutamanya polisi ekonomi dan bidang tersebut juga menyumbang kepada perancangan ekonomi masa depan. Szepesi (2008) mendapati situasi politik bandar dan pengaruh politik mayor/datuk bandar dan ahli politik mempengaruhi pengisytiharan status bandar raya di sesuatu kawasan di mana kawasan itu perlu stabil dari segi politik, ekonomi dan sosial. Nor (2009) mendapati penggunaan media baru untuk mendapat maklumat politik iaitu blog, laman web, dan e-mail mempengaruhi pola pengundian di kawasan bandar yang memberi kemenangan besar kepada parti-parti pembangkang yang lebih terkehadapan dalam berkempen dengan kaedah tersebut.

Walks (2010) mendapati politik komuniti bandar mempengaruhi keputusan kerajaan dalam sesuatu pembuatan dasar kerana mereka lebih aktif bersuara dalam sesuatu perkara kerana latar belakang pendidikan mereka yang lebih tinggi, isu pembangunan dan penyelenggaraan bandar yang pelbagai di samping sumbangan mereka kepada pembayaran cukai yang lebih tinggi berbanding pengundi luar bandar. Matykowski & Kulczyńska (2011) mendapati pengundi di bandar menjadi penentu kepada kemenangan parti yang bertanding untuk memilih Presiden Poland 2010 kerana mereka merupakan pengundi majoriti di bandar dan lebih ramai yang keluar mengundi berbanding pengundi luar bandar seterusnya membentuk politik bandar yang dinamik dan proaktif. Carlos et al. (2012) dalam kajian pilihan raya Venezuela 2010 mendapati Hugo Chávez mendapat sokongan padu di kawasan bandar kerana dasar pemerintahan beliau yang mengutamakan pembangunan bandar pada penggal sebelumnya seterusnya berusaha meningkatkan peluang pekerjaan dan taraf hidup penghuni bandar. Smith

(2012) mendapati terdapat trend penglibatan secara besar-besaran ahli politik wanita di kawasan bandar Amerika Syarikat sebagai ahli majlis dan mayor/datuk bandar seterusnya mempengaruhi persekitaran politik bandar di negara 'Uncle Sam' tersebut.

Nur Azween & Nidzam (2008) mendapati media alternatif mempunyai impak yang signifikan ke arah perubahan trend pengundian masyarakat Malaysia terutamanya dalam konteks politik bandar. Dalam masa yang sama, politik baru yang lebih banyak menumpukan isu korupsi, penyelewengan dan salah guna kuasa menjadi isu utama laungan media ini. Rakyat tidak lagi terpengaruh dengan politik lama seperti isu etnik, bahasa, agama dan daerah. Perubahan trend ini memberi petanda bahawa media alternatif wujud sebagai medium penting dalam penyampaian isu politik baru seterusnya memberi impak terhadap trend pengundian di negara ini. Kajian oleh Samsudin (2010) melalui analisis regresi berganda menunjukkan kepercayaan kepada maklumat internet dan daripada kawan-kawan serta isu-isu yang dibangkitkan pilihan raya menyumbang secara positif terhadap keputusan PRU-12 yang memihak kepada gabungan parti pembangkang di kawasan bandar.

Kajian politik bandar di Muar dan Kluang oleh Junaidi & Mohd Fuad (2011; 2012a; 2012b), mendapati bahawa dari aspek ekonomi, belia di kawasan tersebut inginkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka di samping tingkat upah/gaji yang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa. Bagi aspek sosial pula, mereka menuntut supaya kemudahan jalur lebar/internet diperluaskan di samping memperbanyakkan aktiviti yang bersesuaian dengan jiwa belia seperti aktiviti sukan dan rekreasi. Aspek pendidikan pula perlu diperbanyakkan pusat kemahiran serta pemberian biasiswa kepada pelajar yang layak dan memerlukan, seterusnya bagi aspek politik mereka berharap agar perlunya pemimpin yang jujur, bersih, amanah dan mementingkan rakyat/pengundi di samping perlu diberi lebih ruang kepada mereka untuk berpolitik seterusnya menyuarakan pandangan mereka tentang politik semasa. Dari sudut alam sekitar pula, mereka menyarankan pihak berkuasa agar menggerakkan aktiviti gotong royong di kalangan masyarakat setempat di samping mencantikkan landskap persekitaran agar lebih segar dan ceria.

Junaidi et al. (2012) dan Mohd Fuad et al. (2012) melalui kajian "Impak Akses Internet terhadap Partisipasi Politik", mendapati bahawa teknologi komunikasi terutamanya internet sememangnya memberikan peluang yang meluas kepada masyarakat terutamanya di bandar untuk melibatkan diri dalam perbincangan dan perdebatan tentang hal ehwal politik. Ini boleh diandaikan bahawa internet membolehkan rakyat untuk mengeluarkan pendapat tentang politik. Namun, perbincangan politik menerusi internet secara tidak terkawal dan emosional boleh memberikan kesan negatif kepada masyarakat dan negara jika tidak

digunakan dengan sebaiknya oleh masyarakat. Justeru, penggunaan internet sebagai wadah maklumat politik perlu dimaksimumkan dengan mewujudkan interaksi, wacana, perbincangan dan debat yang segar, rasional, tidak menghasut, menghormati tatasusila dan undang-undang seterusnya menghasilkan rakyat yang berminda 'kelas pertama'.

PENGARUH POLITIK BANDAR DALAM PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA 2008

Politik bandar di Malaysia dikaitkan dengan persepsi dan tingkah laku politik penghuni bandar yang akhirnya diterjemahkan melalui kuasa undi dalam sesuatu pilihan raya. Politik bandar di Malaysia dalam keputusan politik pilihan raya umum (PRU) 2008 menunjukkan pengundi bandar majoritinya menyokong parti-parti pembangkang (kini Pakatan Rakyat). Hal ini terbukti apabila hampir semua bahagian pilihan raya Parlimen yang terletak di kawasan bandar terutamanya ibu negeri telah ditawan oleh parti-parti pembangkang iaitu DAP, PKR dan PAS kecuali Kangar (Perlis), Alor Setar (Kedah), Johor Bahru (Johor) dan Kuala Terengganu (Terengganu). Meskipun dalam pilihan raya umum sebelum PRU 2008 hanya sebahagian kawasan bandar dimenangi parti-parti pembangkang, namun PRU 2008 menunjukkan pengaruh parti pembangkang semakin ketara di kawasan tersebut. Sokongan pengundi bandar terhadap parti-parti pembangkang berkait rapat dengan pengaruh sumber maklumat politik mereka yang lebih luas dan telus iaitu melalui penggunaan media alternative/internet dan mereka kritikal terhadap isu-isu utama negara dan masalah kehidupan harian di bandar. Dalam konteks politik bandar di Malaysia hasil daripada PRU 2008, isu-isu nasional dalam pilihan raya umum 2008 seperti kos sara hidup, konsumerisme, keselamatan, integriti, kehakiman, kedudukan kepentingan strategik negara serta isu-isu menyentuh hak asasi manusia telah menjadi perkiraan rakyat terutamanya pengundi bandar berbanding habuan pembangunan mega melalui pelancaran koridor-koridor ekonomi. Terbukti, pendekatan politik pembangunan yang cuba dibawa BN kali ini gagal mempengaruhi para pengundi memberikan sokongan. Pencapaian 2008 disimpulkan sebagai yang terburuk bagi BN dalam sejarah pilihan raya Malaysia dengan empat negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah, Selangor dan Perak jatuh ke tangan pembangkang, manakala PAS mengekalkan status quo di Kelantan. Rekod PAS di negeri Serambi Mekah itu amat cemerlang berbanding pencapaian pada 2004, manakala prestasi BN di empat negeri lain begitu memeranjatkan terutamanya jika dianalisis peningkatan majoriti undi yang diperoleh calon-calon pembangkang (Fernando 2011a).

Beberapa faktor utama menyebabkan perubahan berlaku kali ini. Faktor yang cuba diketengahkan dalam

konteks politik bandar ialah semuanya berkait dengan perubahan minda rakyat yang dilihat semakin kritis pemikiran mereka. Pertama, untuk sekian lamanya keupayaan BN mempertahankan kejayaan dalam setiap kali pilihan raya umum adalah bergantung kepada kekuatan kempenya yang menonjolkan pencapaian cemerlang dalam pembangunan fizikal dan ekonomi negara. Selama ini, pada setiap kali pilihan raya, rakyat umum memang tertarik dengan pencapaian pembangunan yang dilaksanakan oleh BN. Faktor ini dijadikan ukuran utama mereka menyokong kerajaan BN. Sebaliknya, pada pilihan raya umum kali ini menunjukkan keadaan sebaliknya berlaku. Kempen yang menonjolkan kejayaan pembangunan yang dibawa BN tidak begitu relevan lagi dengan perubahan pemikiran rakyat khususnya di kalangan generasi muda yang lebih berpendidikan dan yang tinggal di bandar. Kini, mereka lebih cenderung untuk menilai aspek integriti, moral, hak asasi, keselamatan sosial dan demokrasi dalam konteks yang lebih luas. Mereka melihat bahawa membawa pembangunan adalah tugas asas bagi sesebuah kerajaan yang dilantik. Ia umpama kewajipan bapa memberikan nafkah kepada keluarganya. Justeru, penilaian rakyat hari ini adalah fokus kepada menilai bagaimana 'kek ekonomi' negara diagihkan secara telus dan adil. Rakyat sedia mempersoalkan integriti kerajaan dan wakil rakyat yang dipilih. Mereka sedia untuk menolak secara total mana-mana parti atau calon yang dilihat mempunyai skandal rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan tidak bermoral. Semua ini sudah menjadi penilaian asas pengundi yang semakin kritis terhadap hal yang berkait dengan integriti.

Kedua, selama ini sebahagian besar daripada proses pembinaan negara diasaskan melalui 'kontrak sosial'. Kontrak sosial yang dibina sejak negara mencapai kemerdekaan kini mula dilihat oleh sebahagian besar generasi muda berpendidikan sebagai sesuatu yang tidak relevan lagi. Hak keistimewaan Melayu mula dipertikaikan dan perkara ini dibincangkan dengan begitu meluas dalam 'media sosial' iaitu di laman web dan blog. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dikritik bukan kerana ia tidak mengandungi kebaikan. Sebaliknya, generasi muda kini sudah mula menilai pelaksanaannya yang dikatakan menyimpang, diselewengkan dan penuh ketirisan sehingga menyebabkan DEB tidak mencapai matlamat sepenuhnya dan hanya berlegar di kalangan kelompok tertentu sahaja. Justeru, serangan terhadap DEB yang banyak dilakukan di dalam 'media sosial' dan ceramah politik pembangkang banyak menyumbang kepada perubahan sikap dan pemikiran sebilangan besar pengundi kali ini.

Ketiga, sebahagian besar generasi muda hari ini mula tertarik dengan agenda 'politik sivil' yang dipromosikan oleh parti pembangkang, khususnya DAP dan PKR. Agenda politik sivil lebih menekankan perbincangan yang lebih terbuka mengenai demokrasi, hak asasi, pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial,

alam sekitar dan wanita. Politik sivil menentang keras segala bentuk akta yang dianggap bercanggah dengan amalan demokrasi dan hak asasi manusia. Isu sosial dan ekonomi yang melingkari kaum tertentu diperjuangkan sepenuhnya oleh kumpulan tertentu yang disokong oleh parti pembangkang. Ini amat jelas dapat dilihat dalam isu Badan Bertindak Hak-Hak Hindu - Hindraf (Sivamurugan 2010). Kebangkitan pertubuhan yang tidak berdaftar ini memberikan 'pukulan maut' kepada MIC sehingga semua pemimpin tertingginya tewas. Politik sivil diperjuangkan dengan hebatnya melalui media siber. Ramai pengendali blog (blogger), khususnya di kalangan mereka yang berpendidikan tinggi membincangkan perkara yang berkaitan dengan politik sivil secara meluas dan terbuka. Perjuangan politik sivil ini banyak mempengaruhi minda rakyat, khususnya di kawasan bandar dan generasi berpendidikan di luar bandar.

Media sosial digunakan sepenuhnya oleh parti pembangkang untuk berdepan dengan media konvensional yang dilihat lebih berpihak kepada kerajaan BN. Media sosial mengubah kaedah berkempen seperti ditunjukkan dalam pilihan raya umum kali ini. Selama ini kaedah berkempen secara konvensional seperti perang poster memainkan peranan yang cukup besar dalam mempengaruhi pengundi. Keadaan ini nampaknya sudah berubah. Penguasaan media perdana oleh satu pihak saja juga menimbulkan rasa tidak puas hati sebilangan besar rakyat yang semakin kritis pemikiran mereka. Mereka melihat media perdana berlaku tidak adil kepada parti pembangkang. Apa pun, agak sukar untuk mengukur sejauh mana perubahan pemikiran pengundi benar-benar berlaku kerana ada banyak lagi persoalan dan teka-teki yang perlu diperhalusi.

Kini, sudah muncul kelompok generasi muda yang berpendidikan menjadi ejen yang aktif kepada perjuangan 'politik sivil', sekali gus mendokong perjuangan parti pembangkang. Di pihak rakyat pula, mereka semakin terpenggil untuk lebih bersikap kritis dan terbuka dalam menilai calon dan parti yang bertanding dalam pilihan raya. Oleh itu, keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 ini melebarkan lagi masalah dan cabaran yang akan dihadapi orang Melayu, khususnya dalam konteks mempertahankan 'kelangsungan politik' Melayu yang semakin terhakis. Justeru, orang Melayu kini menantikan apakah tindakan UMNO dan Pas untuk menyelamatkan kedudukan politik Melayu. Adakah mereka akan bertaut dan bersatu adalah sesuatu yang dinantikan oleh masyarakat Melayu.

Selepas impak kejutan berikutan keputusan yang memihak kepada pembangkang di beberapa negeri mula reda, muncul pula pelbagai persepsi yang cuba menjelaskan punca perubahan besar dalam corak pengundian. Satu pandangan yang agak popular menyatakan bahawa penggunaan internet sebagai media alternatif amat berkesan dalam menentukan arah

tuju keputusan pengundian. Pilihan Raya Umum Ke-12 bukanlah julung-julung kalinya internet digunakan sebagai landasan berkempen calon. Walaupun internet mula digunakan sebagai satu media alternatif sejak Pilihan Raya Umum 1999, keberkesanannya tidak diberi perhatian yang sewajarnya, lantaran keputusan pemilihan yang memihak kepada kemenangan dua pertiga parti pemerintah Barisan Nasional (BN) (Fernando 2011b). Tetapi dalam pilihan raya umum kali ini, berikutan kekalahan di luar dugaan yang menimpa BN hingga kecundang empat kerajaan negeri (Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Selangor) selain Kelantan menyebabkan ramai yang mencari-cari punca kepincangan yang melanda BN. Ia sekali gus, mengaitkan peranan internet sebagai media alternatif dan seterusnya salah satu punca utama fenomena 'taufan politik yang menggegarkan BN'.

Penggunaan kaedah media sosial untuk berkempen mula digunakan di negara ini pada pilihan raya umum 1999. Pada abad ke-20, internet atau alam siber sebagai sumber maklumat menjadi semakin penting dan mula berkembang pada 2004 berikutan peningkatan pengguna internet di Malaysia. Peranan media alternatif ini secara meluas dan signifikan dilihat dalam kempen pilihan raya umum 2008 dengan langganan *dial-up* yang menjangkau 11.76 juta orang. Blog, e-mail, video dalam *you tube* dan SMS menjadi pilihan meluas pemimpin politik dan juga pengundi yang menyokong parti pembangkang untuk berkempen dan berhubung sesama mereka. Lebih 60% (15 juta) daripada 28 juta rakyat Malaysia telah mengakses internet untuk mendapatkan maklumat politik (Ramanathan 2008). Terdapat 500,000 blogger yang aktif di Malaysia dengan 10,000 laman web di Malaysia melalui penetrasi/penembusan sebanyak 40% sekali gus merupakan salah satu daripada komuniti online terbesar di dunia selepas Indonesia dan Kesatuan Eropah (Kaufman 2008). Ini menandakan bermulanya era demokrasi digital di negara ini, menggantikan media perdana iaitu media cetak dan media elektronik yang dipandang semakin terhakis kredibilitinya. Medium digital menjadi media alternatif sebagai saluran meluahkan pandangan. Berkempen menerusi alam siber khususnya laman web, blog politik, khidmat pesanan ringkas (SMS), e-mel dan persidangan video serta facebook menjadi kaedah baru yang menghangatkan suasana berkempen sama ada membabitkan parti atau calon yang bertanding bagi tempoh kempen hinggalah hari pembuangan undi.

Di dada akhbar atau menerusi kaca televisyen, penonton dikatakan sudah jemu dengan paparan iklan mahupun sisipan bahan berita yang pro-BN. Berdasarkan hujah ini, bolehlah disimpulkan bahawa seandainya media utama bertindak dengan adil, ia masih berpeluang menyisihkan media alternatif. Dalam perkataan lain, kedua-dua media utama dan media alternatif sama-sama berpeluang menggugat kedudukan masing-masing. Walaupun internet atau khidmat pesanan ringkas (SMS)

adalah satu kuasa baru dalam saluran maklumat, ia tidaklah menjadi saluran alternatif yang berkesan berbanding saluran lain. Keberkesanan saluran internet sudah lama diperbincangkan banyak pihak berwibawa seluruh dunia. Saluran fizikal seperti papan iklan, media cetak dan bentuk iklan biasa yang lain masih amat berkesan dan berkuasa untuk menentukan pemikiran pengguna atau pemilih. Yang menjadi persoalan bukanlah kehebatan media alternatif, tetapi kelemahan dalam penggunaan media utama. Sekiranya diteliti dengan terperinci cara media massa seperti televisyen, papan iklan dan kain pemidang digunakan, didapati mereka tidaklah digunakan dengan kreatifnya dari segi bahan, isi kandungan atau mesej yang ingin disampaikan. Kandungan media hendaklah menjurus kepada isu utama, trend pemilih dan kaedah menangani sesuatu isu masyarakat yang dapat meyakinkan pengundi lantaran disokong oleh maklumat dan hasil analisis berasas.

Sesungguhnya, 'tsunami politik' telah melanda pada malam 9 Mac 2008 apabila keputusan pilihan raya ke-12 mula diumumkan. Kedua-dua pihak yang bertanding; Barisan Nasional dan Pakatan Pembangkang sebenarnya terkedu dan terkejut dengan keputusan politik rakyat Malaysia sedemikian. Barisan Nasional hilang majoriti 2/3 di Parlimen iaitu hanya memenangi 140 kerusi (majoriti 2/3 ialah 148 kerusi) dari 222 kerusi yang dipertandingkan, manakala Pakatan Pembangkang memenangi 82 kerusi. Barisan Nasional juga kehilangan kuasa di lima negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Kedah, Selangor dan Kelantan (Azman 2008).

TREND POLITIK BANDAR

Dalam konteks Malaysia, majoriti penghuni bandar adalah etnik Cina. Sikap dan tindakan kaum Cina yang mendominasi pengundi bandar dengan tidak menyokong kerajaan dianggap sebagai fenomena politik bandar. Di bandar, keputusan politik penduduknya berbeza dengan luar bandar. Penduduk bandar berasaskan mereka tidak perlu apa-apa kerana segala kemudahan sudah lengkap dan tidak perlu meminta-minta. Ini disebabkan suasana politik bandar yang berkait rapat dengan struktur dan sosioekonomi masyarakat penduduknya. Selagi berlaku proses urbanisasi yang ditentukan faktor ekonomi, selagi itulah wujud politik bandar. Keadaan ini berlaku sejak sekian lama dan tidak boleh diubah secara mendadak. Ia adalah proses urbanisasi yang sudah berlaku sejak sekian lama dan kadang kala di luar kawalan manusia. Perpindahan rakyat dari luar bandar ke bandar mewujudkan kelas masyarakat dari setinggan hinggalah kepada pemilik kompleks perniagaan. Di bandar juga ramai golongan pertengahan yang terdedah kepada segala bentuk komunikasi dan ideologi. Keadaan sosioekonomi dan tahap kedudukan mereka dalam masyarakat mencorakkan pemikiran politik mereka. Faktor kapitalisme dan individualisme penduduk

bandar amat tinggi dan sukar diubah. Mereka yang mempunyai wang akan menenggelamkan golongan miskin. Jurang golongan kaya dan miskin jelas dilihat di bandar. Soal kependudukan di bandar juga ditentukan oleh pemilik syarikat besar dan pemaju perumahan yang kebanyakannya orang Cina. Jika harga rumah yang dibina terlalu mahal, ia tidak mendorong orang Melayu tinggal di kawasan itu. Ia memberi laluan kepada orang Cina untuk terus menetap di kawasan bandar manakala orang Melayu menetap di pinggir bandar. Analisis akhir menunjukkan politik bandar dikuasai oleh kedudukan ekonomi kaum Cina yang ditentukan oleh rejim korporat atau rejim pembangunan. Untuk mengubah keadaan ini, kedudukan sosioekonomi orang Melayu perlu ditingkatkan. Struktur penduduk bandar juga perlu dikaji semula agar seimbang mengikut kaum. Pihak Pakatan Rakyat akan terus mendapat sokongan daripada pengundi bandar berbanding luar bandar di mana pengundinya lebih cenderung kepada BN. Kekuatan pembangkang di kawasan bandar antara lain dipercayai kerana pengundinya lebih terdedah kepada maklumat internet yang membuatkan mereka bersikap lebih selektif dalam menilai isu. Mereka juga akan memilih calon lebih popular berbanding faktor parti. Ini tidak berlaku dalam kalangan pengundi luar bandar yang lebih cenderung pilih parti berbanding calon.

Secara keseluruhannya, politik Melayu lebih bersifat 'feudalisme' iaitu patuh dan taat kepada pemerintah dan mengekalkan 'status quo' UMNO sebagai wadah perjuangan orang Melayu di Malaysia. Ini dikuatkan lagi dengan hujah bahawa orang Melayu sebagai peribumi asal serta pejuang kemerdekaan di Malaysia dan merupakan 'tuan' serta terus-menerus menguasai politik dan pentadbiran di negara ini. Justeru, hegemoni politik Melayu akan terus kekal relevan selagi UMNO sebagai parti keramat orang Melayu bertapak dan berperanan kukuh dalam mempertahankan hak dan kedaulatan Melayu di persada tanah air ini. Pengundi Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar yang hanya menerima maklumat daripada media arus perdana seperti akhbar Utusan Malaysia, Berita Harian serta media elektronik seperti RTM dan TV3; yang juga dibelenggu kemiskinan yang masih serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur yang amat dipengaruhi oleh sentimen 'Politik Pembangunan' yang masih memerlukan bantuan atau 'tongkat' serta mempunyai mentaliti bahawa orang Melayu sebagai 'tuan' dan penduduk 'asal' di Malaysia ini dan berpandangan hanya UMNO/ BN yang layak dan sesuai mentadbir negara dan negeri berdasarkan pengalaman 56 tahun memerintah negara dan negeri, akan terus menyokong UMNO/ BN.

Hal ini berbeza dengan kaum Cina yang kebanyakannya tinggal di kawasan pekan atau bandar yang sudah mempunyai kemudahan asas yang mencukupi serta mempunyai struktur ekonomi yang kukuh dan boleh 'survive' mengikut cara mereka yang tersendiri; ditambah pula mempunyai akses maklumat

melalui media alternatif seperti kemudahan jalur lebar/ internet (blog, facebook dan twitter) dan SMS yang pantas dan pelbagai secara dominannya menyokong Pakatan Pembangkang/Pakatan Rakyat. Justeru, jika keadaan sedemikian berlarutan maka BN akan terus gagal mencapai kemenangan majoriti 2/3 kerusi Parlimen dan terus menjadi Pembangkang di negeri-negeri yang mempunyai kerusi yang majoritinya kaum Cina.

SUMBER MAKLUMAT POLITIK

Kajian berkenaan sumber maklumat yang diperoleh mendapati majoriti (82.6%) responden di kawasan Parlimen Batu memperoleh sumber maklumat melalui media elektronik perdana iaitu rangkaian siaran televisyen (TV) manakala di Petaling Jaya Selatan (PJS) pula lebih cenderung menggunakan internet/facebook (91.2%). Responden di Batu majoritinya menjadikan televisyen sebagai sumber maklumat politik kerana TV merupakan medium penyampaian maklumat yang lazim dimiliki oleh setiap isi rumah dan ia lebih mudah dikendalikan dan murah serta dapat mempengaruhi minda penontonnya. Berbeza dengan responden di PJS yang dilihat lebih cenderung untuk mempercayai sumber maklumat daripada internet/blog berbanding medium maklumat lain meskipun aksesnya tidak sepopuler televisyen dan akhbar yang mana liputan beritanya adalah terhad. Ini kerana sumber maklumat internet dapat diakses dengan lebih mudah, cepat dan terbuka di samping maklumat yang diperoleh adalah seimbang antara pihak Kerajaan dan pembangkang. Melalui internet/laman dalam talian (online) juga mereka dapat berinteraksi/interaktif dan memberi respons segera terhadap isu-isu semasa seterusnya menggalakkan mereka meluahkan isi hati, berfikir seterusnya membuat penilaian yang sewajarnya terhadap sesuatu isu (Rujuk Jadual 1).

TINGKAHLAKU POLITIK: MINAT TERHADAP POLITIK, STATUS PENDAFTARAN SEBAGAI PEMILIH DAN KEAHLIAN PARTI

Merujuk kepada minat responden terhadap politik, 64.2% responden di Batu dan 71.0% di PJS menyatakan mereka berminat untuk mengetahui hal ehwal politik setempat dan juga di peringkat nasional. Responden berminat dengan politik kerana melalui politik mereka dapat berfikir mengenai pengurusan dan strategi sesuatu perkara seterusnya dapat menentukan masa depan mereka. Majoriti responden tidak berminat terhadap politik kerana bagi mereka, keperluan mereka perlu diutamakan terlebih dahulu di samping pandangan mereka didengar dan diambil kira dalam membuat sesuatu keputusan. Mereka juga bosan dengan aktiviti berpolitik/politiking yang berlarutan sehinggakan

JADUAL 1. Sumber Maklumat Politik

Jenis	Batu (%)	PJS (%)
TV	82.6	66.9
Akhbar Harian Perdana	65.9	62.6
Radio	52.1	24.5
Internet/Blog	47.0	91.2
Ahli Keluarga	23.7	46.3
Rakan	18.8	70.9
Akhbar parti	18.3	27.2
Majalah tempatan	16.0	18.7
Pemimpin politik Setempat	12.9	27.0
Jiran	11.8	44.4
Akhbar dan majalah luar negara	11.6	10.4
Guru/pensyarah	10.0	22.3
SMS	9.4	65.9

Sumber: Soal Selidik 2010 dan 2012

pihak bertanggungjawab leka untuk melaksanakan janji kempen ketika pemilihan dalam pilihan raya umum 2008 yang lalu.

Mengenai status pendaftaran sebagai pemilih/pengundi, 86.0% di Batu dan 87.9% di PJS menyatakan mereka sudah mendaftar sebagai pemilih. Kesedaran mendaftar sebagai pemilih ini menunjukkan mereka masih mementingkan pemilihan pemimpin di kawasan masing-masing namun pemimpin yang sudah dipilih perlulah menjalankan kerja/tanggungjawab mereka sepanjang tempoh masa jawatan yang diamanahkan dan bukannya masih berpolitik. Seterusnya, 15.8% (Batu) dan 17.9% (PJS) menyatakan mereka menganggotai parti politik UMNO, 4.4 % (Batu) dan 13.2% (PJS) menyertai PAS, 0.1%(Batu) dan 21.2% (PJS) menjadi ahli DAP dan 6.2% (Batu) dan 20.7% (PJS) merupakan ahli PKR dan 73.1% (Batu) dan 54.3% (PJS) menyatakan tidak menyertai mana-mana parti politik. Namun masih terdapat responden memilih untuk tidak menyertai atau aktif dalam mana-mana parti politik kerana mereka melihat penyertaan dalam parti politik akan mewujudkan permusuhan di kalangan rakan-rakan yang tidak sehaluan atau tidak mempunyai ideologi politik yang sama dengan mereka. Ini akan merenggangkan aktiviti sosial mereka dan urusan lain yang memerlukan kerjasama antara satu sama lain.

KRITERIA PEMILIHAN CALON DAN PARTI

Responden ditanya mengenai kriteria/perimeter pemilihan calon. Secara dominannya, 88.7% responden di Batu dan 90.6% di PJS menyatakan kriteria utama pemilihan calon dibuat berdasarkan pemimpin yang jujur dan amanah. responden juga mementingkan calon yang berjiwa/mesra rakyat dan bersih daripada rasuah. Responden inginkan pemimpin yang jujur dan bertanggungjawab mewakili rakyat dengan mementingkan keperluan dan kehendak rakyat tanpa mementingkan diri sendiri dalam membuat sesuatu keputusan. Faktor tersebut digandingkan dengan personaliti kepimpinan dan mesra rakyat. Aspek

kepimpinan dan personaliti pemimpin turut menjadi kriteria kepada pengundi untuk memilih pemimpin yang disokong iaitu pemimpin yang berwibawa, tegas, boleh berdebat dalam memperjuangkan isu/hak rakyat, berketerampilan, berpendidikan tinggi, serta berpengetahuan agama. Ciri-ciri tersebut dilihat oleh pengundi dapat menyerlahkan tokoh kepimpinan seseorang pemimpin yang mereka pilih di samping mempunyai personaliti yang baik. Personaliti yang baik bermaksud pemimpin tersebut mestilah bersikap terbuka, mudah ditemui, mesra rakyat dengan mengadakan lawatan atau 'turun padang' ke kawasan mereka (Lihat Jadual 2). Mereka juga inginkan pemimpin yang senang mendampingi rakyat tanpa sebarang protokol yang menyukarkan rakyat untuk bertemu dan mengadu masalah yang dihadapi oleh mereka. Responden juga mementingkan pemilihan pemimpin yang mempunyai kaliber dan berkarisma dengan kepetahan berucap serta berpengalaman dalam aktiviti kemasyarakatan baik melalui agensi Kerajaan mahupun Badan Bukan Kerajaan (NGO). Pemimpin juga perlu mempunyai perancangan kemajuan masa depan dalam jangka masa panjang atau berwawasan serta bervisi. Pemimpin yang hebat ialah pemimpin yang kreatif dan berfikiran terkehadapan kerana pembangunan fizikal dan spiritual bersifat dinamik dan berubah mengikut peredaran zaman serta perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat. Dari sudut parti politik, pemimpin yang bakal dipilih perlulah seorang pemimpin yang boleh menang atau "winnable candidate" yang mempunyai ciri-ciri berkarisma, berpengetahuan tinggi, kreatif, dinamik, bekerja kuat, disenangi dan dapat menarik minat ahli parti dan juga orang awam, NGO, pegawai kerajaan, polis, tentera, veteran dan golongan atas pagar.

Bagi ciri parti politik yang dipilih, sebanyak 82.9% (Batu) dan 82.5% (PJS) menyatakan memilih parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti rasuah sebagai ciri utama. Kemudian diikuti parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan, agama dan bangsa (Lihat Jadual 3). Mereka juga mahukan parti yang mempunyai calon yang dapat

JADUAL 2. Kriteria Pemilihan Calon (Peratus)

Kriteria	Batu	PJS
Jujur dan amanah	88.7	96.0
Berjiwa/mesra rakyat	79.6	71.0
Bersih dari rasuah	70.4	79.2
Karisma/ketokohan	64.0	72.4
Mementingkan perpaduan kaum dan agama	56.0	47.2
Pengetahuan agama yang mendalam	43.0	40.6
Kelayakan akademik yang tinggi (Berijazah)	31.4	71.0
Muda	18.8	62.9
Calon tempatan	15.2	45.3
Sebangsa	9.7	21.5

Sumber: Soal Selidik 2010 dan 2012

JADUAL 3. Kriteria Parti Politik yang Dipilih (Peratus)

Kriteria	Batu	PJS
Memperjuangkan isu kemanusiaan (rasuah, ketelusan, keadilan hak asasi)	82.9	82.5
Mampu memacu pembangunan dan membasmi kemiskinan	79.0	66.0
Mampu memelihara agama dan bangsa	75.7	37.8
Memelihara perpaduan kaum	65.5	48.8
Mempunyai calon berwibawa, bersih & berpendidikan tinggi	50.8	65.4
Dapat menunaikan janji manifesto	42.2	71.2
Mempunyai trek rekod yang baik	29.8	57.9
Memperjuangkan isu alam sekitar	24.4	40.6

Sumber: Soal Selidik 2010 dan 2012

memelihara perpaduan kaum, berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi. Parti politik perlu mendahulukan kehendak rakyat dengan memperjuangkan isu ketelusan, anti rasuah dan mementingkan hak asasi kerana hanya parti yang dipercayai dan berprinsip akan disokong rakyat dan terus menang dalam setiap pilihan raya yang mendatang. Rakyat juga mendokong demokrasi dan hak asasi kerana mereka akan lebih selesa jika pandangan mereka turut diambil kira oleh parti terutama dalam merangka manifesto parti dalam kempen pilihan raya kelak. Responden juga menyokong parti politik yang realistik dalam menjanjikan sesuatu perkara terutamanya perkara-perkara yang mementingkan rakyat dalam soal ekonomi mikro (ekonomi rakyat) yang berlegar pada isu harga barang, gaji minimum, bil elektrik dan air, kemudahan infrastruktur dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Parti politik juga perlu mengutamakan pemilihan calon yang berwibawa dan dilihat bersih serta tidak mengambil kesempatan untuk mengutamakan diri sendiri dan kaum kerabat semata-mata jika diberi peluang dipilih sebagai pemimpin kelak. Pengundi bebas membuat pilihan dan pilihan mereka masih dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang menjadi parameter/kriteria mereka. Parameter tersebut amat penting diambil kira oleh calon dan parti politik yang bertanding dan bagaimana ianya dapat diserapkan ke dalam strategi memenangi hati pengundi. Walaupun pola perlakuan politik berubah mengikut keadaan persekitaran dan isu semasa tetapi parameter

seperti kepimpinan dan personaliti calon, manifesto dan pelaksanaan pembangunan akan menjadi teras dalam membuat keputusan memilih calon dan parti politik. Apa yang penting ialah parameter pengundi mestilah selari atau sama seperti yang dipunyai oleh calon dan parti. Sekiranya tidak sama maka berlakulah pergeseran antara aspirasi pengundi, calon dan parti.

ISU-ISU POLITIK BANDAR

Di Malaysia, isu yang terpenting dibincangkan ialah ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Rakyat Malaysia telah diajar untuk menilai pembangunan ekonomi dan modenisasi dan mereka hanya mempercayai parti pemerintah (BN) yang mampu menyediakan pembangunan ekonomi di bandar atau pun di luar bandar secara berterusan. Di kawasan Parlimen Batu, isu paling hangat dibincangkan belia ialah pemulihan ekonomi/harga barangan/minyak manakala di PJS pula ialah isu pekerjaan (Lihat Jadual 4). Isu tersebut dialami oleh semua pihak dan melibatkan kesan berantai iaitu daripada kenaikan harga bahan api, tambang kenderaan, hartanah hinggalah harga barangan. Kesannya amat dirasai bagi golongan yang berpendapatan rendah sama ada di kampung atau di bandar. Isu pekerjaan juga penting bagi responden kerana pekerjaan akan

JADUAL 4. Isu yang Dibincangkan (Peratus)

Isu	Batu	PJS
Pemulihan ekonomi/harga barangan	43.5	58.0
Petempatan/perumahan	31.5	48.8
Kestabilan & perpaduan	27.8	38.1
Isu kepimpinan	25.3	49.4
Rasuah	25.3	39.6
Pekerjaan	24.5	65.4
Isu pembangunan	21.2	38.0
Alam sekitar	15.8	21.5
Isu tanah	8.8	23.1

Sumber: Soal Selidik 2010 dan 2012

menjamin keperluan hidup di kawasan bandar yang mempunyai kos sara hidup yang tinggi. Masalah kepimpinan, perumahan/petempatan dan rasuah juga menjadi topik perbualan harian responden.

PERSEPSI POLITIK

Dari segi pandangan responden mengenai isu politik semasa, Jadual 5 menunjukkan majoriti (77.1%) di Batu dan 74.6% di Petaling Jaya Selatan (PJS) menyatakan kurang berkesan kerajaan menangani rasuah dan politik wang menyebabkan pengundi kurang menyokong Kerajaan. Namun 73.1% (Batu) dan 57.2% (PJS) menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan negara dan 70.7% (Batu) dan 62.9% (PJS) menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan. Seterusnya, 71.0% responden di Batu dan 57.6% di PJS menyatakan gagasan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh rakyat. Namun terdapat segelintir responden yang tidak menyokong Kerajaan kerana berpendapat Kerajaan tidak menunaikan janji ketika kempen pilihan raya, dipinggirkan Kerajaan, situasi ekonomi yang tidak stabil kerana tidak ditangani Kerajaan dengan baik, kronisme dalam urusan Kerajaan dan pemimpin kurang mendekati pengundi.

Mengenai pendapat responden terhadap tahap prestasi kepimpinan, 62.9% responden di Batu dan 57.6% di PJS menyatakan prestasi kepimpinan di peringkat Nasional/Negara adalah baik. Persepsi tersebut membuktikan keyakinan responden di Batu terhadap Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Hj. Abdul Razak. Pengundi di kawasan Parlimen Batu dan PJS meletakkan harapan yang tinggi kepada Perdana Menteri kerana mereka yakin beliau dapat membela nasib penduduk di bandar seterusnya meningkatkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) kerajaan BN untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik dan membangunkan kawasan bandar di Batu dan PJS khususnya dan di peringkat nasional amnya. Rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada Perdana Menteri kerana mereka

yakin beliau dapat membela nasib rakyat melalui pelan transformasi pembangunan negara dengan meningkatkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) kerajaan BN untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Beberapa dasar yang diperkenalkan oleh beliau dilihat mengutamakan rakyat. Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Indeks Petunjuk Prestasi (KPI), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Model Ekonomi Baru (MEB), Model Politik Baru (MPB), Kedai Rakyat 1 Malaysia (KRIM), Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM), Bantuan Buku 1 Malaysia (BBIM), Bantuan untuk pelajar sekolah sebanyak RM100, Program Pembangunan Luar Bandar, Skim Rumah Pertamaku, Projek Perumahan 1 Malaysia (PRIMA), Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMRIM) dan Skim Amanah Rakyat 1 Malaysia (SARA 1 Malaysia) diterima oleh rakyat sebagai dasar yang mengutamakan kebajikan dan keperluan rakyat dalam jangka masa panjang.

PENGUNDI DAN PILIHAN RAYA

Responden di kawasan Parlimen Batu dan PJS turut ditanya perkara berkaitan dengan pilihan raya. Mengenai pelaksanaan janji pilihan raya umum 2008 oleh wakil rakyat/Kerajaan di Batu dan PJS, 28.3% (Batu) dan 55.3% (PJS) menyatakan bahawa hanya sebahagian sahaja perkara yang dijanjikan telah dilaksanakan manakala 6.2% (Batu) dan 10.7% (PJS) menyatakan janji pilihan raya umum 2008 telah dilaksanakan sepenuhnya, manakala 34.7% (Batu) dan 14.7% (PJS) menyatakan tidak pasti dan 22.3% (Batu) dan 19.3% (PJS) menyatakan janji pilihan raya tersebut belum dilaksanakan lagi.

Seterusnya, responden di Batu dan PJS turut ditanyakan parti politik yang dijangka menang pada pilihan raya umum ke-13 akan datang. Berdasarkan kepada persepsi mereka secara keseluruhannya menyatakan bahawa BN boleh menang bagi kawasan Parlimen Batu (49.3%) yang pernah dimenangi pada PRU 2004 berdasarkan kepada gerak kerja calon Gerakan/BN iaitu Lim Si Pin yang kerapturun padang untuk mendengar

JADUAL 5. Pendapat Politik di Kalangan Responden (Peratus)

Pernyataan	Batu	PJS
Kurang berkesan kerajaan menangani rasuah dan politik wang menyebabkan rakyat kurang menyokong kerajaan	77.1	74.5
Rakyat menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan negara	73.1	57.1
Keprihatinan terhadap aspirasi, kebajikan dan pandangan rakyat menyebabkan rakyat menyokong kerajaan	72.0	62.9
“1 Malaysia - Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh rakyat	71.0	57.6
Polisi/pembaharuan yang dilakukan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat	70.9	65.4
Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk Wakil Rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan	70.7	62.9
Rakyat menyokong kerajaan kerana peluang pekerjaan banyak diwujudkan dan membantu golongan miskin di bandar dan luar bandar	70.3	62.6
Maklumat dari Internet/blog mempengaruhi kecenderungan politik pengundi	68.3	71.2
Perselisihan antara pemimpin Pakatan Rakyat menjejaskan sokongan pengundi	64.1	48.8
Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali.	62.1	62.9
Dasar berkongsi kuasa Pakatan Rakyat bukan alternatif terbaik bagi Kerajaan Negeri	57.6	38.0
Pemerintahan Pakatan Rakyat bukan alternatif terbaik bagi Kerajaan Persekutuan/Barisan Nasional (BN)	54.7	48.8

Sumber: Soal Selidik 2010 dan 2012

permasalahan rakyat seterusnya disenangi pengundi serta mempunyai pusat perkhidmatan rakyat di kawasan Batu. Namun BN masih gagal untuk menawan semula kerusi Parlimen PJS dengan hanya 37.0% responden mengiyakan kenyataan tersebut. Berdasarkan kepada persepsi mereka secara keseluruhannya menyatakan bahawa BN dapat mengekalkan kuasa berdasarkan kepada pencapaian semasa serta isu politik negara yang dilihat memberi kelebihan kepada BN. Kebanyakan daripada responden memilih parti BN sebagai pemenang kerana mereka menganggap parti BN/Perikatan telah mempunyai trek rekod pemerintahan yang berjaya sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menyatukan semua kaum sejak sekian lama. Bagi mereka yang menyokong BN juga berpendapat bahawa BN sudah teruji dan terbukti berjaya memajukan bangsa, agama dan negara dengan mengambil kira toleransi, hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum dan agama berlandaskan prinsip Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan. Bagi yang menyokong PKR dan Pakatan Rakyat, mereka berpandangan parti tersebut boleh menang di kedua-dua kawasan kerana wakil rakyat yang sedia ada (PKR) kerap turun padang, mesra rakyat tanpa protokol yang menyusahkan, telus dan ingin memberi peluang kepada parti berkenaan untuk berkhidmat dengan lebih baik

seterusnya mewujudkan suasana ‘politik baru’ yang matang dan terbuka.

Mengenai parti politik yang akan diundi oleh responden pada pilihan raya umum ke-13 akan datang, responden di Batu (48.0%) dan PJS (37.0%) menyatakan akan mengundi BN berdasarkan kepada pengalaman dan kecemerlangan BN dalam memacu kemajuan negara dan masyarakat selama ini. Faktor lain yang menyumbang kepada keyakinan responden di Batu dan PJS kepada BN adalah disebabkan pengundi masih yakin terhadap BN dengan dasar politik yang bertunjangkan politik pembangunan. Isu/sentimen yang dimainkan pembangkang tidak diterima baik pengundi. Keberkesanan jentera kempen BN yang cukup efektif berbanding jentera kempen pembangkang juga tidak boleh dinafikan lagi. Ini ditambah lagi dengan barisan calon BN yang lebih berwibawa, berpengalaman dan berkelulusan tinggi. Kesepakatan amat longgar di kalangan pembangkang juga menyumbang kepada sokongan padu kepada BN. Namun demikian bagi yang menyokong PKR, mereka berpandangan PKR merupakan parti pilihan mereka kerana mereka percaya dan yakin kepada prinsip keadilan dan ketelusan yang dicanangkan oleh parti berkenaan serta inginkan perubahan dalam politik negara seterusnya mewujudkan situasi politik yang rasional, bersih dan profesional.

KESIMPULAN

Responden/pengundi inginkan kebebasan bersuara serta berpolitik dan mereka bebas mengakses maklumat politik melalui media baru/internet. Senario politik bandar di negara ini yang didominasi golongan elit dan pertengahan adalah dinamik dan terbuka serta kritis kerana sumber maklumat politik mereka (media baru/ alternatif iaitu internet; laman sosial seperti facebook dan twitter; laman web; dan blog) yang meluas dan menyeluruh. Pengundi di kedua-dua kawasan juga menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan negara dan sebahagian besarnya menyatakan bahawa gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh rakyat. Dari aspek governans pula, majoriti menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan dan polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan pengundi. Merujuk kepada parti politik yang akan diundi pada pilihan raya umum akan datang, responden di kawasan Parlimen Batu dan PJS menyatakan akan mengundi BN dan mereka menjangkakan BN akan terus menerajui Malaysia.

RUJUKAN

- Azman Zakaria. 2008. Analisis sejarah keputusan pilihan raya di Malaysia. Dlm: Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Bazin, M. 1993. Geopolitics of the Champagne-Ardenne region | [Geopolitique de la region Champagne-Ardenne]. *Travaux - Institut de Geographie de Reims*. 81/82.
- Bledsoe, T., Welch, S. 1987. Patterns of political party activity among U.S. cities. *Urban Affairs Quarterly* 23(2): 249-269.
- Carlos, A., Delfina, T. F., Greis, G. 2012. Legislative elections on September 2010 in Venezuela: Electoral behavior and the urban-rural spatial differences | [Elecciones legislativas del 26 de septiembre de 2010 en Venezuela: Comportamiento electoral en el ámbito urbano-rural]. *Revista Geografica Venezolana* 53(1): 29-55.
- Fernando, J. M. 2011a. Pola pengundian dan isu-isu dalam pilihan raya umum Malaysia ke-12. Dlm. *Pilihan raya umum Malaysia ke-12: Isu dan pola pengundian*, disunting oleh Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman & Suffian Mansor. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fernando, J. M. 2011b. Urban Swing dalam pilihan raya umum Malaysia ke-12: Kajian Kes Negeri Selangor. Dlm. *Pilihan raya umum Malaysia ke-12: Isu dan pola pengundian*, disunting oleh Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman & Suffian Mansor. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fleischmann, A., Stein, L. 1998. Campaign contributions in local elections. *Political Research Quarterly* 51(3): 673-689.
- Grant, E. 2005. Race and tourism in America's first city. *Journal of Urban History* 31(6): 850-871.
- Harrison, L. 1995. Green parties in Europe - evidence from sub-national elections. *Environmental Politics* 4(2): 295-304.
- Jacobs, J. 1961. *The Death and Life of Great American Cities*. New York: Random House.
- Johnson, A.T. 1980. Electoral consequences of neighborhood improvement projects. *Urban Affairs Quarterly* 16(1): 109-116.
- Jones, M., Rhys, J. & Woods M. 2004. *An Introduction to Political Geography: Space, Place and Politics*. London: Routledge.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2011. Keperluan belia dan pendapat politik di kawasan Parlimen Muar, Johor. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-3*. Bilik Persidangan, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan dengan kerjasama Persatuan Geografi UPSI. 8-10 Februari 2011.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. 2012. Impak akses internet terhadap partisipasi politik. The 8th International Malaysian Studies Conference (MSC8). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Institut Kajian Oksidental dan Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kelleher, C., Lowery, D. 2004. Political participation and metropolitan institutional contexts. *Urban Affairs Review* 39(6): 720-757.
- Kaufman, S. 2008. *Malaysia's alternative media become decisive political factor* (atas talian).
- Krebs, T.B. 2001. Political experience and fundraising in city council elections. *Social Science Quarterly* 82(3): 536-551.
- Matykowski, R., Kulczyńska, K. 2011. Polish presidential election of 2010: A study of the power of voters in big and medium-sized towns. *Geographia Polonica* 84(2): 93-113.
- Michel, M. 1988. The urbanistic politics of a town

- council: Chartres. Constraints, theories and outcomes | [Les politiques urbanistiques dans une ville moyenne: Chartres. Contraintes, logiques, resultats]. *Annales de Geographie* 544: 716-731.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2011. Persekitaran bandar dan pendapat politik: Kajian kes di kawasan Parlimen Kluang, Johor. Seminar Internasional Serumpun Melayu 2011 (SERUMPUN 2011). Fakultas Ilmu Budaya (FIB), Universitas Hasanuddin (UNHAS) Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Anjuran FIB, UNHAS. dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia. 8-9 Jun.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali & Novel Lyndon. 2012. Akses kepada internet dan kesannya terhadap partisipasi politik penduduk di Negeri Johor. *Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space* 8(6): 76-89.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2012a) Pendapat dan keperluan generasi muda di kawasan Parlimen Muar, Johor. *Jurnal E-Bangi* 7(1): 50-63.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2012b) Persepsi politik dan kepimpinan di kawasan Parlimen (P152) Kluang, Johor. *Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space* 8(1): 23-32.
- Noor, E. 2009. The new media and political change in Malaysia | [Les nouveaux médias dans les transformations politiques de la Malaysia]. *HERMES* (55): 107-114.
- Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman. 2008. Media alternatif sebagai agen perluasan ruang bersuara: Kajian kes pilihan raya umum ke-12. Dlm Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Owens, J., Greg T., Smith G.T., & Clark, G. 2010. *City Limits: Perspectives on the Historical European City*. Montreal: McGill-Queen's UP.
- Parker, S. 2004. *Urban Theory and the Urban Experience: Encountering the City*. London & New York: Routledge.
- Peng-Er, L. 2005. Competing modes of election campaigning in Urban Japan: The 2003 Saitama gubernatorial election. *Asian Perspective* 29(1): 79-98.
- Ramanathan, S. 2008. *Mainstream versus Alternate Media in Malaysia's General Election 2008: Hope for Media Liberalisation?* A paper presented at the AMIC 2008 conference, Manila.
- Samsudin A. Rahim. 2010. Media, demokrasi dan generasi muda: Analisis keputusan pilihan raya umum ke-12. *Malaysian Journal of Communication* 26(2): 1-15.
- Sauerzopf, R., Swannstrom, T. 1999. The urban electorate in presidential elections, 1920-1996. *Urban Affairs Review* 35(1): 72-91.
- Sharp, E.B. 2007. Revitalizing urban research: Can cultural explanation bring us back from the periphery?. *Urban Affairs Review* 43(1): 55-75.
- Sivamurugan Pandian. 2010. Malaysia's 12th General Election: An Analysis. *European Journal of Social Sciences* 14(4): 508-523.
- Smith, A.R., Reingold, B., Owens, M.L. 2012. The Political Determinants of Women's Descriptive Representation in Cities. *Political Research Quarterly* 65(2): 315-329.
- Sonenshein, R.J. & Drayse, M.H. 2006. Urban electoral coalitions in an age of immigration: Time and place in the 2001 and 2005 Los Angeles mayoral primaries. *Political Geography* 25(5): 570-595.
- Stucky, T.D. 2005. Local politics and police strength. *Justice Quarterly* 22(2): 139-169.
- Szepesi, G. 2008. The political will as an influential factor of Hungarian urbanization | [A politikai akarát mint a magyarországi városodás befolyásoló tényezője]. *Foldrajzi Ertesito* 57(3-4): 389-398.
- Tang, C.-P. 2003. Democratizing urban politics and civic environmentalism in Taiwan. *China Quarterly* 176: 1029-1051.
- Toothman, J. 2010. "What are the origins of democracy?" 08 June 2010. HowStuffWorks.com. <http://history.howstuffworks.com/ancient-greece/origins-democracy.htm>. Diakses pada: 25 November 2010.
- Walks, R. A. 2010. Electoral behaviour behind the gates: Partisanship and political participation among Canadian gated community residents. *Area* 42(1): 7-24.
- Walsh, F. 1979. Time-lag in political geography. *Area* 11(1): 91-92.
- Wood, C. 2002. Voter turnout in city elections. *Urban Affairs Review* 38(2): 209-231.
- Zarycki, T. 2000. The socio-political space of the Czech Republic and Poland. Comparative study of structures of the electoral geography. *Przeegląd Geograficzny* 72(3): 269-284.
- Junaidi Awang Besar
Mohd Fuad Mat Jali, Ph.D
Novel Lyndon, Ph.D
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi,
Selangor
e-mail: fuad@ukm.my
jab@ukm.my
novel@ukm.my

Rosmadi Fauzi
Amer Saifude Ghazali
Ph.D Jabatan Geografi
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur
e-mail: rosmadifauzi@um.edu.my
asafude@um.edu.my

Mazlan Ali
UTM PERDANA School of Science, Technology and
Innovation Policy,
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Jalan Semarak
54100 Kuala Lumpur
e-mail: lant@ic.utm.my